

RUJUKAN TEMPLATE PROMPT

Prompt untuk PdP

Workflow • Gemini Notebook • Studio • Canva AI • Pengurusan Guru

Bengkel Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam Pendidikan • SK Dato' Syed Zain Alshahab, Kluang.

9 September 2026 (Rabu) • 2.00 hingga 4.00 petang • Bilik Mesyuarat Darul Hikmah, SKDSZA.

Penceramah: Ts. Ashraf bin Naim • Penolong Pegawai Pendidikan Daerah (Menengah & Tingkatan 6) • PPD Kluang.

Versi digital, prompt sedia salin dan bahan contoh: skdsza.tsapps.my

Tema: Beri AI sasaran murid, bukan sekadar satu arahan.

Cara Menggunakan Rujukan Ini

Koleksi 41 prompt sedia salin yang disusun mengikut alat dan tujuan. Tukar bahagian dalam [KURUNGAN] mengikut kelas anda. Prompt bertanda 'sedia guna' sepadan terus dengan sumber Buku Teks Sains T4 Unit 2 Manusia yang disediakan di LMS.

- Prompt 'Workflow' bermula dengan ayat sasaran murid; AI menyusun langkah, membuat bahan dan menyediakan kuiz untuk dicuba.
- Prompt 'Studio' ditampal dalam kotak fokus atau 'Describe...' dialog tetapan alat berkenaan, bukan dalam Chat.
- Prompt 'Canva AI' ditaip dalam kotak 'Describe your idea' di canva.com/ai.

Formula CTFC: resipi prompt guru

Prompt yang baik ialah arahan yang lengkap. Gunakan empat bahagian CTFC ini setiap kali anda menulis prompt, di mana-mana alat AI.

Bahagian	Maksud	Contoh
C • Context	Siapa anda dan murid anda	Saya guru Sains Tahun 4. Murid saya ramai yang sederhana.
T • Task	Apa yang anda mahu (+ bahan)	Berdasarkan buku teks yang dimuat naik, buat 5 soalan kuiz topik pernafasan.
F • Format	Bentuk jawapan	Jadual: soalan, pilihan A hingga D, jawapan.
C • Constraints	Syarat	Bahasa Melayu mudah. Kalau tiada dalam buku, cakap TIADA.

Ayat Sasaran (dua tempat kosong)

PROMPT UNTUK DISALIN • TEMPLAT

Murid [tahun] dapat [buat apa], dan saya tahu melalui [bukti].

Contoh: Murid Tahun 4 dapat menyusun laluan udara dari hidung ke peparu, dan saya tahu melalui kuiz 5 soalan.

Idea untuk Minggu Depan: Enam Laluan Buat, Cuba, Baiki

Enam idea, setiap satu ialah satu laluan Buat, Cuba, Baiki yang boleh disediakan dalam 10 hingga 20 minit. Pilih SATU sahaja untuk minggu depan. Setiap idea ada satu prompt utama sedia salin.

Idea 1: Satu topik, satu pakej (20 minit)

Sasaran: Murid dapat menerangkan satu konsep dan membuktikannya melalui kuiz 5 soalan.

Masa: 20 minit • **Alat:** Notebook Chat, Slide Deck, Quiz, Canva AI

1. **Sasaran.** Notebook Chat: tampal kenyataan outcome, minta jadual PdP 60 minit dan senarai bahan.
2. **Buat.** Studio Slide Deck (Presenter Slides, BM) dan Flashcards istilah; salin tajuk slaid ke Canva AI untuk versi cantik.
3. **Cuba.** Studio Quiz 'Fewer, Easy'; jawab sendiri; minta Chat senaraikan fakta yang tidak disokong sumber.
4. **Baiki.** Jana semula slaid dengan arahan khusus; simpan pakej dan cuba dalam kelas esok.

PROMPT UNTUK DISALIN • PROMPT UTAMA IDEA 1

Anda perancang PdP saya. Sasaran: [AYAT SASARAN]. Berdasarkan sumber yang dimuat naik, cadangkan jadual PdP 60 minit (fasa, masa, aktiviti murid, peranan guru) dan senarai bahan yang perlu dijana mengikut keutamaan. Jika sesuatu tiada dalam sumber, nyatakan TIADA.

Idea 2: Nota tiga aras untuk satu kelas

Sasaran: Setiap murid, lemah hingga cemerlang, dapat menyiapkan satu tugas yang sepadan dengan arasnya.

Masa: 15 minit • **Alat:** Reports • Create Your Own, Quiz Easy/Hard, Canva • Create student activities

1. **Sasaran.** Chat: minta AI kenal pasti tiga aras kefahaman bagi topik ini dan ciri murid setiap aras.
2. **Buat.** Reports 'Create Your Own': tiga versi nota (mudah, sederhana, tinggi); Canva aktiviti murid dengan 'Learning purpose' berbeza.
3. **Cuba.** Quiz Easy untuk aras 1, Quiz Hard untuk aras 3; pastikan soalan aras 3 memerlukan penaaakuan, bukan ingatan.
4. **Baiki.** Minta AI tulis semula nota aras 1 dengan ayat maksimum 8 patah perkataan.

PROMPT UNTUK DISALIN • PROMPT UTAMA IDEA 2

Berdasarkan sumber, hasilkan tiga versi nota satu muka surat untuk topik [TOPIK] Tahun [TAHUN]: Versi A (aras asas, ayat pendek, satu contoh setiap fakta), Versi B (aras sederhana), Versi C (aras tinggi dengan satu soalan KBAT). Tandakan setiap versi dengan jelas. Bahasa Melayu.

Idea 3: Pembuka kelas 5 minit

Sasaran: Murid tertanya-tanya dan boleh menyebut satu soalan sendiri tentang topik sebelum pengajaran bermula.

Masa: 10 minit + masa jana • **Alat:** Video Overview Short, Audio Overview Brief, Chat

1. **Sasaran.** Chat: minta tiga 'cangkuk' (soalan pelik, fakta mengejutkan, situasi harian) daripada sumber.
2. **Buat.** Video Overview 'Short' (BM) dengan Custom topic ialah cangkuk terbaik; atau Audio 'Brief' 'Short'.
3. **Cuba.** Tonton sendiri: istilah tepat? sesuai umur? panjang bawah 90 saat?
4. **Baiki.** Jana semula dengan Custom topic yang lebih sempit, atau tukar ke Explainer dengan gaya Whiteboard.

PROMPT UNTUK DISALIN • PROMPT UTAMA IDEA 3

Daripada sumber, cadangkan 3 cangkuk set induksi untuk murid Tahun [TAHUN] bagi topik [TOPIK]: satu soalan yang mengejutkan, satu fakta harian yang berkaitan dan satu situasi 'apa akan jadi jika'. Setiap satu maksimum dua ayat, Bahasa Melayu mudah.

Idea 4: Cari salah faham murid

Sasaran: Guru tahu tiga salah faham lazim murid tentang topik ini dan ada soalan diagnostik untuk mengesannya.

Masa: 12 minit • **Alat:** Quiz • Misconception Checks, Chat, Data Table, Canva • lembaran kerja

1. **Sasaran.** Chat: minta senarai salah faham lazim dan punca setiap satu berdasarkan sumber.
2. **Buat.** Quiz dengan cip 'Misconception Checks'; Data Table: soalan, salah faham disasar, jawapan betul, penerangan.
3. **Cuba.** Beri kuiz kepada dua tiga murid dahulu; rekod soalan mana yang paling ramai salah.
4. **Baiki.** Canva: lembaran kerja pembetulan khusus untuk salah faham yang paling kerap.

PROMPT UNTUK DISALIN • PROMPT UTAMA IDEA 4

Berdasarkan sumber, senaraikan 3 salah faham yang lazim dalam kalangan murid Tahun [TAHUN] tentang [TOPIK]. Untuk setiap satu: punca salah faham, satu soalan diagnostik aneka pilihan yang mana pilihan salahnya mencerminkan salah faham itu, dan cara guru membetulkannya dalam dua ayat. Jadual, Bahasa Melayu.

Idea 5: Mesej untuk ibu bapa

Sasaran: Ibu bapa faham apa yang dipelajari minggu ini dan cara membantu di rumah, dalam satu mesej yang dibaca dalam 30 saat.

Masa: 8 minit • **Alat:** Reports • Briefing Doc, Chat, Canva • poster

1. **Sasaran.** Chat: minta tiga perkara utama yang ibu bapa perlu tahu daripada sumber topik minggu ini.
2. **Buat.** Chat: mesej WhatsApp 80 patah perkataan; Canva AI: poster A4 'Bantu anak anda di rumah'.
3. **Cuba.** Baca mesej dengan kaca mata ibu bapa yang sibuk: adakah ada satu tindakan jelas?
4. **Baiki.** Pendekkan, tambah satu soalan yang ibu bapa boleh tanya anak semasa makan malam.

PROMPT UNTUK DISALIN • PROMPT UTAMA IDEA 5

Draf mesej WhatsApp ringkas dan mesra dalam Bahasa Melayu kepada ibu bapa murid Tahun [TAHUN] tentang topik [TOPIK] yang dipelajari minggu ini: tiga perkara yang dipelajari, satu aktiviti 5 minit di rumah dan satu soalan untuk ditanya kepada anak. Maksimum 80 patah perkataan, mulakan dengan salam.

Idea 6: Latihan di telefon murid

Sasaran: Murid boleh berlatih sendiri di telefon atau Chromebook dan mendapat maklum balas serta-merta.

Masa: 10 minit • **Alat:** Canva Code, Flashcards, Mind Map

1. **Sasaran.** Tentukan satu kemahiran kecil yang perlu latih tubi (istilah, urutan, padanan).
2. **Buat.** Canva Code: kuiz, roda nama, permainan padanan; Notebook Flashcards untuk istilah.
3. **Cuba.** Cuba di telefon sendiri: butang cukup besar? maklum balas jelas? boleh main semula?
4. **Baiki.** Arahan susulan dalam Canva Code, kemudian 'Publish' dan kongsi pautan.

PROMPT UNTUK DISALIN • PROMPT UTAMA IDEA 6

Bina permainan padanan interaktif dalam Bahasa Melayu untuk murid Tahun [TAHUN]: padankan [BILANGAN] istilah [TOPIK] dengan penerangannya dengan seret dan lepas, skor, bunyi ceria dan butang 'Main semula'. Butang besar sesuai untuk telefon.

Workflow • Sasaran

Perancang PdP daripada ayat sasaran

PROMPT UNTUK DISALIN • WORKFLOW • SASARAN

Anda perancang PdP saya. Sasaran: [AYAT SASARAN]. Berdasarkan sumber yang dimuat naik, (1) cadangkan urutan aktiviti 60 minit dalam jadual (fasa, masa, aktiviti murid, peranan guru), (2) senaraikan bahan yang perlu dijana mengikut keutamaan, (3) nyatakan bahagian sumber yang perlu saya baca dahulu. Jika sesuatu tiada dalam sumber, nyatakan TIADA.

Workflow • Cuba

Penyemak bahan lawan sumber

PROMPT UNTUK DISALIN • WORKFLOW • CUBA

Bertindak sebagai penyemak. Bandingkan bahan yang saya jana dengan sumber. Senaraikan dalam jadual: fakta yang tidak disokong sumber, istilah yang terlalu sukar untuk Tahun [TAHUN], dan satu salah faham murid yang mungkin timbul daripada setiap bahan. Cadangkan pembetulan khusus.

Apa yang TIDAK ada dalam sumber

PROMPT UNTUK DISALIN • WORKFLOW • CUBA

Senaraikan 3 perkara tentang [TOPIK] yang biasa ditanya murid Tahun [TAHUN] tetapi TIDAK diterangkan dalam sumber ini. Nyatakan dengan jelas jika maklumat tiada; jangan reka.

Workflow • Baiki

Pembaikan berasaskan keputusan kuiz

PROMPT UNTUK DISALIN • WORKFLOW • BAIKI

Murid saya paling ramai salah pada soalan [NOMBOR/ISI]. Berdasarkan sumber, jelaskan punca yang mungkin, kemudian tulis semula bahagian nota berkaitan dengan satu analogi harian dan satu aktiviti 5 minit untuk membetulkannya. Bahasa Melayu mudah.

Workflow • Persona

Configure Chat • Custom (tampal dalam kotak Custom)

PROMPT UNTUK DISALIN • WORKFLOW • PERSONA

Anda ialah 'Cikgu Pembantu' untuk guru Sains Tahun [TAHUN] di sekolah rendah Malaysia. Sentiasa jawab dalam Bahasa Melayu mudah, sentiasa rujuk sumber dan nyatakan TIADA jika maklumat tiada, dan tamatkan setiap jawapan dengan satu cadangan aktiviti kelas.

Notebook • Chat

Sumber disediakan: laluan udara pernafasan (sedia guna)

PROMPT UNTUK DISALIN • NOTEBOOK • CHAT

Berdasarkan buku teks yang dimuat naik, terangkan laluan udara semasa manusia menarik nafas bermula dari hidung hingga ke peparu, dalam bentuk jadual dua

lajur: bahagian yang dilalui dan fungsinya. Bahasa Melayu mudah untuk murid Tahun 4.

Sumber disediakan: kuiz organ pernafasan (sedia guna)

PROMPT UNTUK DISALIN • NOTEBOOK • CHAT

Berdasarkan sumber, bina 5 soalan kuiz aneka pilihan tentang organ pernafasan manusia untuk murid Tahun 4: 3 soalan mudah dan 2 soalan sederhana, dengan jawapan dan penerangan ringkas selepas setiap soalan.

Sumber disediakan: RPH gerak balas rangsangan (sedia guna)

PROMPT UNTUK DISALIN • NOTEBOOK • CHAT

Berdasarkan buku teks yang dimuat naik, sediakan draf Rancangan Pengajaran Harian 60 minit bagi topik Gerak Balas terhadap Rangsangan untuk Tahun 4: objektif boleh diukur, aktiviti 5 fasa dan satu aktiviti amali mudah menggunakan organ deria. Bahasa Melayu formal.

Rumusan DSKP kepada bahasa mudah

PROMPT UNTUK DISALIN • NOTEBOOK • CHAT

Berdasarkan sumber DSKP yang dimuat naik, rumuskan standard kandungan dan standard pembelajaran bagi topik [TOPIK] dalam jadual ringkas, kemudian cadangkan 3 aktiviti PdP yang sesuai untuk murid Tahun [TAHUN] berkemampuan sederhana. Bahasa Melayu mudah.

Jana soalan pentaksiran berujukan

PROMPT UNTUK DISALIN • NOTEBOOK • CHAT

Berdasarkan sumber, bina 10 soalan objektif aneka pilihan bagi topik [TOPIK] untuk murid Tahun [TAHUN]: 4 soalan aras mudah, 4 sederhana dan 2 KBAT. Sediakan jadual jawapan dengan rujukan muka surat sumber bagi setiap soalan. Jika maklumat tiada dalam sumber, nyatakan TIADA, jangan reka.

Draf RPH daripada sumber

PROMPT UNTUK DISALIN • NOTEBOOK • CHAT

Berdasarkan sumber DSKP dan nota yang dimuat naik, sediakan draf Rancangan Pengajaran Harian bagi topik [TOPIK] Tahun [TAHUN]: objektif pembelajaran (boleh diukur), kriteria kejayaan, aktiviti 5 fasa (set induksi, perkembangan 3 langkah, penutup), BBM dan pentaksiran. Bahasa Melayu formal, format senarai.

Banding buku teks dengan DSKP

PROMPT UNTUK DISALIN • NOTEBOOK • CHAT

Berdasarkan kedua-dua sumber (buku teks dan DSKP), kenal pasti standard pembelajaran topik [TOPIK] yang TIDAK diliputi sepenuhnya oleh buku teks, dan cadangkan bahan tambahan untuk menutup jurang itu. Bentangkan dalam jadual dua lajur.

Studio • Slide Deck

Tema Superhero

PROMPT UNTUK DISALIN • STUDIO • SLIDE DECK

Slaid untuk murid Tahun [TAHUN] dengan tema superhero. Setiap konsep utama diterangkan sebagai 'kuasa superhero', gunakan bahasa Melayu mudah dan ceria,

selitkan soalan pantas 'Misi Kilat' pada setiap 2 slaid, dan akhiri dengan 'Misi Utama' iaitu satu cabaran tugas untuk murid.

Tema Blok Binaan

PROMPT UNTUK DISALIN • STUDIO • SLIDE DECK

Slaid untuk murid sekolah rendah dengan tema blok binaan. Mulakan dengan 'asas tapak', kemudian setiap slaid menambah satu 'blok' konsep di atas blok sebelumnya sehingga menara ilmu lengkap. Bahasa Melayu mudah, satu idea satu slaid, akhiri dengan slaid 'Bina Sendiri' untuk aktiviti murid.

Tema Angkasa Lepas

PROMPT UNTUK DISALIN • STUDIO • SLIDE DECK

Slaid untuk murid Tahun [TAHUN] dengan tema pengembaraan angkasa lepas. Murid ialah angkasawan, setiap konsep ialah satu planet yang perlu diterokai, guru ialah kapten misi. Bahasa Melayu ceria, ada 'log misi' ringkas pada akhir setiap bahagian dan kuiz 'pendaratan' pada slaid akhir.

Tema Bawah Laut

PROMPT UNTUK DISALIN • STUDIO • SLIDE DECK

Slaid untuk murid sekolah rendah dengan tema penerokaan bawah laut. Setiap konsep ialah satu zon laut dari cetek ke dalam, gunakan analogi hidupan laut, bahasa Melayu mudah, soalan 'buih soalan' setiap 2 slaid dan cabaran 'harta karun' di slaid akhir.

Tema Sukan

PROMPT UNTUK DISALIN • STUDIO • SLIDE DECK

Slaid untuk murid Tahun [TAHUN] dengan tema kejohanan sukan. Setiap konsep ialah satu acara perlawanan, markah diberi selepas setiap 'perlawanan' (soalan pantas), dan slaid akhir ialah 'perlawanan akhir' iaitu kuiz 5 soalan. Bahasa Melayu ceria dan bersemangat.

Studio • Infografik

Tema Blok Binaan

PROMPT UNTUK DISALIN • STUDIO • INFOGRAFIK

Infografik satu halaman untuk murid sekolah rendah dengan tema blok binaan berwarna-warni. Susun isi sebagai blok yang bercantum dari bawah ke atas, maksimum 6 blok utama, bahasa Melayu mudah, setiap blok ada ikon dan satu ayat ringkas.

Tema Komik Superhero

PROMPT UNTUK DISALIN • STUDIO • INFOGRAFIK

Infografik satu halaman bergaya poster komik superhero untuk murid Tahun [TAHUN]. Tajuk besar di atas, 4 hingga 6 panel komik menerangkan konsep utama, kotak 'kuasa istimewa' untuk fakta penting dan kotak 'musuh' untuk kesilapan lazim murid. Bahasa Melayu ringkas.

Tema Peta Pengembaraan

PROMPT UNTUK DISALIN • STUDIO • INFOGRAFIK

Infografik satu halaman berbentuk peta pengembaraan untuk murid sekolah rendah: laluan bermula dari 'Mula' ke 'Tamat' melalui 5 hingga 7 perhentian,

setiap perhentian satu konsep dengan ikon dan ayat pendek, ada 'checkpoint soalan' di tengah laluan. Bahasa Melayu mudah.

Tema Resipi Masakan

PROMPT UNTUK DISALIN • STUDIO • INFOGRAFIK

Infografik satu halaman bergaya kad resipi: 'bahan-bahan' ialah konsep atau fakta asas, 'cara memasak' ialah langkah proses [PROSES] mengikut turutan, dan 'hidangan siap' ialah kesimpulan. Bahasa Melayu mudah untuk murid Tahun [TAHUN].

Studio • Quiz

Fokus kuiz organ pernafasan (sedia guna)

PROMPT UNTUK DISALIN • STUDIO • QUIZ

Fokus kepada organ pernafasan dan proses menarik serta menghembus nafas sahaja. Soalan mesti berdasarkan fakta dalam buku teks, dengan bahasa Melayu mudah untuk murid Tahun 4.

Studio • Flashcards

Istilah Unit 2 Manusia (sedia guna)

PROMPT UNTUK DISALIN • STUDIO • FLASHCARDS

Istilah penting Unit 2 Manusia: organ pernafasan, hasil perkumuhan dan penyahtinjaan, serta gerak balas terhadap rangsangan. Muka depan kad ialah istilah pendek (1-3 patah perkataan), muka belakang penerangan satu ayat dalam bahasa Melayu mudah untuk murid Tahun 4.

Studio • Mind Map

Peta minda Unit 2 (sedia guna)

PROMPT UNTUK DISALIN • STUDIO • MIND MAP

Peta minda mesti fokus kepada Unit 2 Manusia sahaja, dengan tiga cabang utama: pernafasan, perkumuhan dan penyahtinjaan, serta gerak balas terhadap rangsangan. Label cabang dalam bahasa Melayu mudah untuk murid Tahun 4.

Studio • Data Table

Jadual organ pernafasan (sedia guna)

PROMPT UNTUK DISALIN • STUDIO • DATA TABLE

Bina jadual organ pernafasan manusia berdasarkan buku teks dengan lajur: nama organ, kedudukan dalam badan, fungsi utama dan satu fakta menarik. Bahasa Melayu mudah untuk murid Tahun 4.

Studio • Reports

Nota poket murid (sedia guna • Create Your Own)

PROMPT UNTUK DISALIN • STUDIO • REPORTS

Hasilkan nota poket satu muka surat untuk ulang kaji murid Tahun 4 tentang sistem pernafasan manusia: senarai organ dan fungsinya, urutan laluan udara,

dan 5 fakta 'Tahukah Anda?' yang menarik. Gaya mesra murid, bahasa Melayu mudah, guna tajuk kecil dan senarai bernombor.

Tiga versi nota aras berbeza

PROMPT UNTUK DISALIN • STUDIO • REPORTS

Berdasarkan sumber, hasilkan tiga versi nota satu muka surat untuk topik [TOPIK] Tahun [TAHUN]: Versi A (aras asas, ayat pendek, satu contoh setiap fakta), Versi B (aras sederhana), Versi C (aras tinggi dengan satu soalan KBAT). Tandakan setiap versi dengan jelas. Bahasa Melayu.

Studio • Audio Overview

Fokus podcast pernafasan (sedia guna)

PROMPT UNTUK DISALIN • STUDIO • AUDIO OVERVIEW

Bincangkan mengapa manusia perlu bernafas dan bagaimana udara bergerak dari hidung hingga ke peparu, dengan analogi kehidupan harian yang mudah difahami murid Tahun 4. Akhiri dengan 3 soalan renungan ringkas untuk murid.

Studio • Video Overview

Custom topic video Short: pengembaraan Oksi (sedia guna)

PROMPT UNTUK DISALIN • STUDIO • VIDEO OVERVIEW

Perjalanan udara dalam badan manusia dari hidung hingga ke peparu, diceritakan sebagai pengembaraan seekor zarah udara comel bernama Oksi, untuk murid Tahun 4, dalam bahasa Melayu yang mudah dan ceria, bawah 90 saat.

Canva AI • Slaid

Slaid PdP lengkap

PROMPT UNTUK DISALIN • CANVA AI • SLAID

Hasilkan slaid pembentangan [BILANGAN] muka dalam Bahasa Melayu untuk PdP [SUBJEK] Tahun [TAHUN] bertajuk [TAJUK], gaya ceria dan mesra murid sekolah rendah, ada slaid objektif pembelajaran di awal dan soalan kuiz pada slaid akhir.

Slaid ikut rangka Notebook

PROMPT UNTUK DISALIN • CANVA AI • SLAID

Hasilkan slaid pembentangan dalam Bahasa Melayu untuk murid Tahun [TAHUN] mengikut rangka ini, satu slaid setiap baris, kekalkan urutan: [TAMPAL TAJUK SLAID DARIPADA NOTEBOOK]. Gaya ceria, ilustrasi kartun, fon besar.

Canva AI • Aktiviti

Lembaran kerja

PROMPT UNTUK DISALIN • CANVA AI • AKTIVITI

Hasilkan lembaran kerja satu halaman dalam Bahasa Melayu untuk murid Tahun [TAHUN] bagi topik [TOPIK]: bahagian A padankan 5 item, bahagian B isi tempat kosong 5 soalan, bahagian C satu soalan KBAT dengan ruang jawapan. Reka bentuk ceria mesra cetak hitam putih.

Canva AI • Poster

Poster 'Bantu anak anda di rumah'

PROMPT UNTUK DISALIN • CANVA AI • POSTER

Hasilkan poster A4 dalam Bahasa Melayu bertajuk 'Bantu Anak Anda Belajar [TOPIK]' untuk ibu bapa murid Tahun [TAHUN]: 4 aktiviti 5 minit di rumah dengan ikon, warna terang, fon besar, gaya mesra keluarga.

Canva AI • Code

Kuiz interaktif

PROMPT UNTUK DISALIN • CANVA AI • CODE

Bina kuiz interaktif mudah dalam Bahasa Melayu tentang [TOPIK] untuk murid Tahun [TAHUN], [BILANGAN] soalan aneka pilihan dengan skor, maklum balas ceria selepas setiap jawapan dan skrin tahniah pada akhir. Butang besar sesuai untuk telefon.

Roda nama / pemilih rawak murid

PROMPT UNTUK DISALIN • CANVA AI • CODE

Bina roda pemilih rawak interaktif dalam Bahasa Melayu: saya boleh menaip senarai nama murid, klik butang PUSING dan roda memilih satu nama secara rawak dengan animasi dan bunyi ceria. Ada butang padam nama yang sudah dipilih.

Permainan padanan seret dan lepas

PROMPT UNTUK DISALIN • CANVA AI • CODE

Bina permainan padanan interaktif dalam Bahasa Melayu untuk murid Tahun [TAHUN]: padankan [BILANGAN] istilah [TOPIK] dengan penerangannya dengan seret dan lepas, skor, bunyi ceria dan butang 'Main semula'.

Canva AI • Aktiviti Murid

Create student activities

PROMPT UNTUK DISALIN • CANVA AI • AKTIVITI MURID

[TOPIK] untuk [SUBJEK] Tahun [TAHUN]. PENTING: Hasilkan seluruh aktiviti dalam Bahasa Melayu sepenuhnya, semua tajuk, arahan dan label mesti dalam Bahasa Melayu, jangan guna Bahasa Inggeris.

Susulan: terjemah baki teks BI

PROMPT UNTUK DISALIN • CANVA AI • AKTIVITI MURID

Terjemahkan semua teks dalam aktiviti ini kepada Bahasa Melayu sepenuhnya, kekalkan susun atur dan reka bentuk.

Guru • Pengurusan

Mesej ringkas kepada ibu bapa

PROMPT UNTUK DISALIN • GURU • PENGURUSAN

Draf mesej WhatsApp ringkas dan mesra dalam Bahasa Melayu kepada ibu bapa murid Tahun [TAHUN] tentang [PERKARA], nada positif, maksimum 80 patah perkataan, mulakan dengan salam dan akhiri dengan ucapan terima kasih.

Ulasan pentaksiran murid

PROMPT UNTUK DISALIN • GURU • PENGURUSAN

Bantu saya menulis ulasan PBD untuk murid dengan tahap penguasaan [TP] bagi [SUBJEK]: 3 versi ulasan berbeza, setiap satu 2 ayat, nada membina dan positif, Bahasa Melayu formal sederhana.

Salah faham lazim dan soalan diagnostik

PROMPT UNTUK DISALIN • GURU • PENGURUSAN

Berdasarkan sumber, senaraikan 3 salah faham yang lazim dalam kalangan murid Tahun [TAHUN] tentang [TOPIK]. Untuk setiap satu: punca salah faham, satu soalan diagnostik aneka pilihan yang mana pilihan salahnya mencerminkan salah faham itu, dan cara guru membetulkannya dalam dua ayat. Jadual, Bahasa Melayu.

Bonus: dua sambungan Chrome percuma untuk Gemini Notebook

Dua alat percuma oleh Chuah Kee Man (pendidik Malaysia) yang memudahkan kerja dalam Gemini Notebook. Pasang sekali dalam Chrome, guna terus dari dalam notebook. Pilihan, bukan wajib.

NotebookLM Prompt Generator

Pembina prompt infografik dan slaid (gaya, susun atur, warna, tema, nada) dalam bentuk popup di sebelah notebook anda. Menyokong Bahasa Melayu. Klik Copy, tampal dalam kotak fokus Studio.

Pautan: <https://nlmprompts.keeman.app/extension>

NotebookLM Quiz Exporter

Eksport kuiz Studio dengan satu klik ke CSV, Aiken, DOCX, HTML, Google Forms (melalui Sheets), Moodle XML dan QTI. Sesuai untuk cetak lembaran kuiz atau masukkan ke Google Forms.

Pautan: <https://nlmexporter.keeman.app/>